



WAN MOHAMMAD GHAZALI NOR (tengah) menyerahkan notis rampasan kepada penyewa yang didapati melanggar syarat penyewaan di PPR Intan Baiduri, Kepong, Kuala Lumpur, baru-baru ini. -UTUSAN/NASIRRUDDIN YAZID

DBKL rampas 554 unit PPR, PA sepanjang Januari-Mei

Langgar syarat penyewaan

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 31 JULAI

SEBANYAK 35 lagi unit kediaman projek perumahan rakyat (PPR) dirampas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam operasi penguatkuasaan di PPR Intan Baiduri, Kepong di sini, malam kelmarin.

Pengarah Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti DBKL, Wan Mohammad Ghazali Nor berkata, tindakan itu diambil selepas penyewa didapati melanggar syarat-syarat menduduki PPR yang ditetapkan pihak berkuasa tempatan itu.

Menurutnya, ini termasuk penyewaan kepada pihak ketiga, warga asing, tidak menetap, tunggakan sewa dan penghuni tidak sah.

"Sepanjang tahun ini sehing-

ga Mei lalu sebanyak 554 unit Perumahan Awam (PA) dan PPR dirampas dalam operasi yang dijalankan.

"Pihak DBKL tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati melanggar syarat perjanjian penyewaan," katanya ketika ditemui selepas mengetuai Operasi Pelanggaran Syarat-Syarat Penyewaan PPR dan PA DBKL di PPR berkenaan di sini.

Tambah Wan Mohammad Ghazali, tindakan itu bertujuan memberi pengajaran kepada penyewa agar tidak menyalahgunakan kemudahan itu.

"Lebih 63,000 pemohon yang layak masih dalam senarai menunggu untuk mendapatkan unit PPR.

"Jika tidak mahu, berikan kepada orang lain. Ramai lagi yang memerlukan rumah tersebut," katanya.



OPERASI mengesan penyewa langgar syarat penyewaan akan dilaksanakan secara berterusan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di PPR dan PA kendaliannya.